

Kes bunuh Ho Ping

Nasib tertuduh kedua 6 Ogos

HM 24/06/08. M1516



>>Oleh Mohd Sabran
Md Sani

sab@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Nasib tertuduh kedua, Su Qiaomei, yang dituduh bersama-sama menculik dan membunuh adik ipar kekasihnya, Ho Ping, 7, yang mayatnya dijumpai dalam beg pakaian di Sungai Segari, Perak, dua tahun lalu, akan diketahui 6 Ogos depan.

Ini kerana pihak pendakwaan dalam hujahannya di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, memutuskan untuk mendapatkan pengesahan kematian tertuduh pertama daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sekali gus menarik balik pertuduhan



KEE...mati di Penjara Sungai Buloh

terhadap mendiang Kee Lian Kok, 30.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin berkata, pihaknya sudah mendapat satu laporan polis yang mengatakan tertuduh pertama itu sudah meninggal dunia pada jam 8.15 malam, ketika di bawah jagaan Penjara Sungai Buloh.

“Berkaitan perbicaraan pada hari ini (semalam),



SU...dituduh bersama menculik, bunuh

pihak pendakwaan meminta penangguhan untuk mendapatkan pengesahan kematian bagi menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh pertama iaitu mendiang Kee dalam kes ini.

“Pada masa sama, pihak pendakwaan ingin mendapatkan arahan seterusnya berdasarkan kedudukan kes membabitkan tertuduh kedua dan peguam-

nya akan menulis surat kepada Pejabat Peguam Negara untuk mengetahui kedudukan kes anak guamnya itu,” katanya.

Perkara itu kemudian diserahkan peguam Leslie Bala yang mewakili Su, 36, dengan mengakui akan membuat representasi bagi pihak anak guamnya kepada Pejabat Peguam Negara terhadap pertuduhan terbabit.

Peguam Puan Sri N Saraswathy Devi kemudian bangkit untuk memohon kepada mahkamah supaya mengecualikannya daripada perbicaraan akan datang kerana anak guamnya sudah meninggal dunia, selain ingin mendapatkan surat kematian.

Hakim Datuk Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad menetapkan 6 dan 7 Ogos depan untuk perbicaraan sementara menunggu keputusan representasi berhubung kes membabitkan kedua-dua tertuduh.